

# Projek Silverlakes Village RM250j

» *Silverland Capital, Metier bangun gedung beli-belah tepi tasik*

**S**ilverland Capital Sdn Bhd dengan kerjasama Metier Pty Ltd, akan membangunkan gedung membeli belah tepi tasik, Silverlakes Brand Village di Lembah Kinta, Perak dengan nilai pembangunan kasar lebih RM1 bilion.

Projek di tapak seluas 206.8 hektar itu dijangka siap dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun, dengan fasa pertama pembangunannya yang membabitkan kos RM250 juta, akan bermula pada akhir suku kedua tahun depan.

Projek Silverlakes Brand itu adalah usaha sama yang dibangunkan dengan Syarikat Maju Perak Bhd, pemilik tanah dan Silverland Capital sebagai pemaaju.

Metier akan menyediakan khidmat perundingan bagi pembangunan gedung, menguruskan



Azizan (dua dari kiri) **melihat pelan kerjasama** antara Silverland Capital Sdn Bhd dan Metier Pty Ltd bagi fasa pertama pembangunan Silverlakes Brand Village.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]

semua perjanjian pajakan dan selepas siap kelak akan menguruskan operasi runcit selama 15 tahun.

## **Pertumbuhan ekonomi**

Pengerusi Eksekutif Silverland Capital, Datuk Azizan A Rahman berkata, fasa awal pembangunan itu bukan sahaja akan merang-

sang pertumbuhan pelancongan di Perak, tetapi juga menyediakan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada penduduk Lembah Kinta.

“Silverlakes Brand Village akan menawarkan jenama utama seperti Gucci, Puma dan Adidas.

“Ia juga akan memiliki hotel dengan 220 bilik dan pusat kon-

vensyen yang boleh menampung lebih 1,000 orang.

“Kami yakin menerima kedatangan pelancong tempatan dan asing kerana projek ini terletak di lokasi strategik di Lembah Kinta, dengan stesen kereta api berdekatan menjadikan mudah bagi orang untuk mengunjunginya,” katanya pada taklimat media di

Kuala Lumpur, semalam.

## **180 unit ruang runcit**

Silverlakes Brand Village akan mempunyai antara 15 hingga 20 cawangan minuman dan makanan dengan 180 unit ruang runcit yang menyediakan bukan sahaja untuk keperluan pengunjung mewah tetapi juga golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Mengenai fasa pertama pembangunannya, Azizan berkata cawangan runcit akan dibahagikan kepada dua bahagian, North Island dan South Island.

“Projek itu memiliki kekuatannya sendiri dan agak berbeza daripada Johor Premium Outlet.

“Bagi mereka yang tidak mahu membeli belah, mereka boleh menyertai aktiviti sukan air kerana kampung itu dikelilingi tasik,” katanya.

Syarikat itu juga merancang mengadakan aktiviti sukan air ekstrem di kawasan itu untuk menarik lebih ramai pengunjung.

Fasa kedua projek itu akan dikenali sebagai Future Development dan fasa terakhir, The Cocoon@Silverlakes.

BERNAMA